

24/06/1999

Tidak hina mahkamah jika perbincangan tiada kaitan kes

Johnny Giles Senin

KUALA LUMPUR, Rabu - Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Hamid Omar berpendapat, seseorang itu tidak menghina mahkamah jika bercakap mengenai orang lain berhubung perkara yang tiada kaitan dengan kes dihadapi orang itu.

"Jika seseorang membuat komen tetapi tidak berkaitan dengan kes, saya berpendapat ia tidak menghina mahkamah.

"Kita perlu perseimbangkannya dengan kebebasan bercakap," katanya kepada pemberita selepas melancarkan laman web Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas sama ada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menghina mahkamah apabila ucapannya pada Perhimpunan Agung Umno minggu lalu menyentuh bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir, ketika mengulas percubaan peguam bela Anwar untuk memenjarakannya kerana menghina mahkamah menegaskan, beliau tidak menghina mahkamah apabila bercakap mengenai salah laku Anwar ketika berucap pada perhimpunan itu.

Anwar, yang menjalani hukuman penjara enam tahun selepas sabit kesalahan kerana rasuah, kini menghadapi tuduhan liwat.

Hamid menegaskan, Perlembagaan Persekutuan menjamin bahawa satu daripada hak asasi rakyat ialah kebebasan bersuara.

Menurutnya, jika sesuatu ulasan yang dibuat itu menyentuh kelemahan dan kekuatan mahkamah, barulah ia boleh dianggap menghina mahkamah.

Ditanya sama ada Perdana Menteri telah menghina mahkamah, Hamid berkata: "Saya berpendapat soalan itu mudah tetapi sukar dijawab kerana penghinaan mahkamah ialah perkara menyentuh aspek teknikal. Anda perlu memperseimbangkan semua aspek sebelum menyuarakan pandangan mengenainya."

Bagaimanapun, Hamid berkata, membuat kritikan secara langsung terhadap mahkamah dan ketika proses rayuan, memang dianggap sebagai menghina mahkamah.

"Jika seseorang itu berkata sesuatu, mungkin mengenai Anwar tetapi berhubung perkara yang tidak berkaitan dengan kes di mahkamah, maka anda perlu memperseimbangkannya dengan kebebasan bercakap.

"Seseorang mempunyai kebebasan itu, yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Jadi, kedua-duanya perlu seimbang. Jika anda tidak langsung boleh bersuara, tentu ada sesuatu tidak kena dengan hak asasi yang dijamin Perlembagaan," katanya.

(END)